


☒ Berita Harian
☐ Berita Minggu

Tarikh: 26/6/2012

Hari: SELASA M/S: 37

Ruangan: SUKAN



JAWATANKUASA penganjur Kejohanan KBS-MAM Kapcai Endurance 2012 membuat pemeriksaan ke atas litar yang akan digunakan, semalam.

Kapcai bakal gegar bumi Sintok

Oleh Nordiana Shafiee
bhnews@bharian.com.my

BUMI Sintok bakal digegarkan dengan kemunculan ratusan jentera kapcai November ini, sempena Kejohanan KBS-MAM Kapcai Endurance 2012 di Universiti Utara Malaysia (UUM) yang dipilih sebagai tuan rumah.

Kejohanan julung kali anjuran Motorsports Association Malaysia (MAM) dan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu dijadual berlangsung dua hari bermula 9 November dengan sasaran menarik

sekurang-kurangnya 360 peserta.

DTEX Manager MAM, Eizwar Supiar, berkata sasaran utama kejohanan adalah untuk menarik belia berusia antara 18 dan 35 tahun bagi menyertai tiga kategori iaitu bawah 100cc, bawah 150cc dan bawah 250cc.

Beliau yang juga Pengarah Projek KBS-MAM Kapcai Endurance 2012, berkata melalui kejohanan itu, pelumba diberi peluang beraksi selama dua jam secara berkumpulan dengan setiap kumpulan disertai empat orang. Pasukan yang paling banyak membuat pusingan dalam tempoh yang di-

berikan itu akan dikira sebagai pemenang kejohanan.

Selain Kedah dan Perlis, penganjur juga menjangkakan penyertaan pasukan dari Perak dan Pulau Pinang.

"Melalui penganjuran kejohanan seperti ini, ia mampu menangani gejala rempit yang semakin membimbangkan.

"Inilah peluang terbaik untuk belia membuktikan kehebatan terutama mereka yang gemar berlumba," katanya ketika ditemui sewaktu meninjau keadaan litar go-kart UUM yang bakal menjadi medan kejohanan.